

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : TUAN SU KEONG SIONG [KAMPAR]

SOALAN NO. 435

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan bantuan dan skim insentif yang khas diperuntukan untuk nelayan – nelayan darat. Jikalau tidak, adakah Kerajaan sudi mengkaji untuk melaksanakan program – program atau insentif untuk membantu nelayan – nelayan darat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian melalui Jabatan Perikanan Malaysia telah menyediakan bantuan dan insentif khas yang diperuntukan untuk membantu nelayan darat seperti berikut :

1. Bantuan elaun sara hidup berjumlah RM200 sebulan dengan jumlah peruntukan sebanyak RM3.5 juta setahun;
2. Program My Komuniti Perikanan (myKP) bagi menjalankan aktiviti alternatif komuniti untuk menjana pendapatan tambahan seperti aktiviti agropelancongan, perikanan rekreasi, ternakan ikan dalam sangkar dan pemasaran ikan berjumlah RM500 ribu setahun;
3. Bantuan melalui program *touch point* meliputi peralatan keselamatan nelayan dan peralatan menangkap ikan berjumlah RM500 ribu setahun; dan
4. Bantuan Industri Asas Tani (IAT) bagi peralatan aktiviti pemprosesan produk perikanan dan industri hiliran berjumlah RM500 ribu setahun. Sekian, terima kasih.